

NCC3053

SULIT



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER I SESI 2022/2023 (SARJANA MUDA)

KURSUS	:	KENEGARAAN MALAYSIA
KOD KURSUS	:	NCC3053
TARIKH	:	06/02/2023 (ISNIN)
TEMPAT	:	DSM/DS1 01/BK2 01/BK3 05/BK3 06/BK3 07/BK3 08/BK4 08
MASA	:	3.00-5.00 PETANG

NO. MATRIK	:	_____
NAMA PROGRAM	:	_____
NO. MEJA	:	_____

ARAHAN KEPADA CALON

- Sila jawab semua soalan.
- Semua jawapan hendaklah ditulis dalam kertas OMR yang disediakan.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI DUA PULUH SATU (21) MUKA SURAT BERCETAK

1. Kursus Kenegaraan Malaysia menekankan pengajian tentang hal-ehwal negara Malaysia merangkumi sejarah, politik, ekonomi dan sosio-budaya masyarakat. Sehubungan itu, apakah tujuan kursus ini dijadikan mata pelajaran wajib untuk pelajar-pelajar di universiti?
 - i. Menanam rasa muhibah dan kerjasama
 - ii. Membentuk jati diri dan identiti bangsa
 - iii. Memupuk semangat cinta kepada negara
 - iv. Mengeratkan hubungan serantau
 - A. i, ii dan iii
 - B. i, ii dan iv
 - C. i, iii dan iv
 - D. ii, iii dan iv

2. Berdasarkan pengalaman anda yang mengambil subjek Kenegaraan Malaysia di universiti, subjek ini menitik beratkan
 - i. proses pengetahuan, keterlibatan serta penghayatan nilai ketatanegaraan yang mantap
 - ii. harapan pelajar kelak mendapat peluang pekerjaan yang baik
 - iii. beberapa segmen utama seperti persejarahan, perlembagaan, politik, tadbir urus, dasar, keberadaan Malaysia di peringkat global diterapkan
 - iv. kemenjadian pelajar yang bersifat holistik diri pelajar dibentuk
 - A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. i, iii dan iv
 - D. Semua di atas

3. Antara berikut, yang manakah **bukan** konsep utama sesebuah negara?
 - A. Mempunyai agama rasmi
 - B. Mengamalkan sistem pemerintahan
 - C. Mempunyai penduduk tetap dalam negara
 - D. Mempunyai hubungan dengan negara luar

4. Mengapakah disiplin sejarah dianggap penting dalam pengajian kenegaraan?
 - A. Sejarah mengandungi fakta-fakta yang perlu dihafal untuk mengingatkannya
 - B. Sejarah mengaitkan satu peristiwa dengan peristiwa yang lain
 - C. Sejarah mengandungi banyak peristiwa dan pengalaman yang boleh diteladani dan dijadikan pengajaran dalam proses pengisian dan pengukuhan kemerdekaan
 - D. Pengajian kenegaraan hanya berkisar pada peristiwa yang berkaitan dengan sejarah

5. Antara pernyataan berikut, yang manakah **tepat** bagi menggambarkan teori kewujudan negara yang berkaitan dengan teori patriarkal dan matriarkal?
- Institusi keluarga memperkenalkan segala peraturan dan pengawalan ke atas penduduk
 - Peringkat awal set peraturan diperkenalkan ketua keluarga seperti ibu atau bapa kepada keluarga iaitu bersamaan seperti mana yang dilakukan negara terhadap rakyatnya
 - Negara wujud ekoran perkembangan beberapa kumpulan manusia yang mempunyai pertalian darah
 - Keluarga dianggap sebagai unit asas sesebuah masyarakat manakala puak, etnik atau kaum terbentuk melalui gabungan beberapa keluarga
- A. i dan ii
B. ii dan iii
C. i, ii dan iii
D. Semua di atas

- Kehidupan manusia kepada dua fasa iaitu pertama, negara terbentuk secara semula jadi
- Fasa kedua apabila manusia menyedari berlakunya ketidaksempurnaan dalam kehidupan mereka apabila sesebuah negara tidak diwujudkan.

6. Pernyataan di atas sangat berkait rapat dengan teori kewujudan negara yang berkaitan dengan
- A. paksaan
B. petuhanan
C. kewujudan keluarga
D. perjanjian masyarakat
7. Antara pernyataan berikut, yang manakah **tepat** bagi menggambarkan teori kewujudan negara yang berkaitan dengan teori evolusi?
- Mereka mempunyai hubungan pertalian iaitu berasal dari rumpun yang sama.
 - Dalam kalangan penduduk peribumi, mereka mempunyai ciri-ciri fizikal serta budaya yang hampir sama.
 - Dalam dialek pertuturan banyak persamaan terhadap istilah yang diungkapkan.
 - Oleh sebab mereka mempunyai banyak persamaan, maka tidak menghairankan majoriti penduduk Sabah, Sarawak dan Singapura bersetuju menyertai Malaysia
- A. i dan ii
B. ii dan iii
C. i, ii dan iii
D. Semua di atas

11. Apakah signifikan penemuan artifak Batu Bersurat Piagam Terengganu (BBPT) bertarikh 1303 Masihi di Kuala Berang kepada kerajaan Terengganu?
- A. Antara kerajaan Melayu tertua di Asia Tenggara
 - B. Pernah ditakluk kerajaan asing
 - C. Bergantung kepada ekonomi perdagangan
 - D. Menjalin hubungan yang baik dengan kerajaan Turki Uthmaniah
12. Antara pernyataan berikut, yang manakah **tepat** berkaitan elemen demokrasi moden yang telah pun wujud dalam sistem pemerintahan Kerajaan Melayu Melak pada abad ke 15?
- i. Pemerintahan sultan dibantu melalui sistem pembesar empat lipatan iaitu Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana
 - ii. Disentralisasi kuasa oleh sultan untuk pembesar menjalankan tugas seperti syahbandar bertanggungjawab sebagai pegawai pelabuhan.
 - iii. Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka yang berasaskan undang-undang Islam dan adat tempatan menjadi pemangkin kepada kemakmuran kerajaan Melaka
 - iv. sistem perbendaharaan serta sistem percukaian yang tersusun manakala aktiviti jual beli di Melaka menggunakan mata wang dalam bentuk emas, perak dan timah
- A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. i, ii dan iii
 - D. Semua di atas
13. Pernyataan-pernyataan di bawah adalah benar mengenai penjajahan kuasa asing di Tanah Melayu, **kecuali**
- A. Siam menaungi Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah dari tahun 1834 hingga 1918
 - B. Jepun menakluki Tanah Melayu dari tahun 1941 sehingga 1945
 - C. Belanda menjajah Melaka selama 183 tahun dari tahun 1641 sehingga 1824
 - D. Portugis menakluki Melaka selama 130 tahun dari tahun 1511 sehingga 1641
14. Apakah tindakan J.W.W Birch sehingga menyebabkan orang Melayu menentang British di Pasir Salak pada peringkat awal pentadbiran British di Perak?
- A. Larangan membuka tanah baharu
 - B. Campurtangan dalam pentadbiran
 - C. Mengambil alih ekonomi tradisional
 - D. Membina balai polis tanpa rundingan

15. Manakah antara berikut merupakan individu terawal yang membuka dan membangunkan Kuala Lumpur?
- i. Sutan Puasa
 - ii. Yap Ah Loi
 - iii. Gee Hin
 - iv. Abdullah Hukum
- A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. i, ii dan iii
 - D. Semua di atas
16. Antara berikut, yang manakah ahli bagi Majlis Mesyuarat Persekutuan (MMP) 1909?
- i. Pesuruhjaya Tinggi British dan Gabenor Negeri-Negeri Selat (NNS),
 - ii. Raja-raja Melayu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang
 - iii. Residen dari Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang
 - iv. Empat ahli tidak rasmi iaitu tiga orang Eropah serta seorang Cina.
- A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. i, ii dan iii
 - D. Semua di atas
17. Campur tangan sepenuhnya oleh kuasa British di Tanah Melayu adalah dengan peristiwa
- A. Perjanjian Bangkok 1909
 - B. Perjanjian Pangkor 1874
 - C. Pulau Pinang jatuh ke tangan Francis Light
 - D. Stamford Raffles berjaya menduduki Singapura
18. Pernyataan yang manakah **paling tepat** berkaitan usaha Sultan Zainal Abidin III bersama pembesar lain bagi mengekang kemaraan British di Terengganu?
- A. Sultan mengarahkan Undang-undang Tubuh Negeri Terengganu 1911 iaitu Itqan Al-Muluk Bi Ta'dil As-Suluk digubal
 - B. Sultan menerima seorang Agen British dan bukannya Penasihat British
 - C. Sultan melantik Tok Ku Paloh sebagai Penasihat Baginda
 - D. Sultan melakukan pembaharuan dalam sistem politik dan pemerintahan
19. Pernyataan yang manakah **kurang tepat** setelah diperkenalkan sistem Residen di Tanah Melayu?
- A. Pemusatan kuasa di tangan Residen Jeneral
 - B. Kuasa Sultan-sultan Melayu semakin lemah
 - C. Jabatan-jabatan Persekutuan cenderung mengambil pegawai British
 - D. Pembahagian kuasa antara Negeri dan Persekutuan semakin jelas

20. Antara berikut, pernyataan yang manakah **kurang tepat** berkaitan dengan penubuhan Jawatankuasa Pengagihan Kuasa Pusat 1923?
- Penubuhan Jabatan Pertanian, Perubatan, Polis dan Perhutanan yang diletakkan di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat.
 - Bidang kuasa antara kerajaan Pusat dan Negeri yang berkaitan dengan urusan pentadbiran, kewangan dan perkhidmatan awam dapat diagihkan.
 - Menyusun atur semula kedudukan ahli Majlis Mesyuarat Persekutuan dengan menempatkan sultan-sultan Melayu bersama empat orang birokrat lain.
 - Strategi British di bawah Cecil Clementi Smith bagi mengelak kesemua negeri di Tanah Melayu jatuh ke tangan kolonial Barat lain
21. Pertubuhan Melayu terawal yang ditubuhkan sebelum pendudukan Jepun adalah
- Kesatuan Melayu Muda (KMM)
 - Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)
 - Hizbul Muslimin* Gunung Semanggol
 - United Malays National Organisation* (UMNO)
22. Tentera Jepun berjaya menawan Tanah Melayu daripada British. Perkara ini mudah dilakukan kerana
- semangat juang tentera Jepun yang tidak mudah menyerah kalah
 - persediaan serta taktik peperangan tentera Jepun begitu teliti sebelum serangan
 - British beranggapan bahawa tentera Jepun akan menyerang dari selatan, iaitu melalui Singapura
 - tenggelamnya dua buah kapal perang British, iaitu *Prince of Wales* dan *Repulse* di Timur perairan Semenanjung Tanah Melayu
- i dan ii
 - ii dan iii
 - i, ii dan iii
 - Semua di atas

Tarikh	Peristiwa
15 Februari 1942	Leftenan Jeneral A. E. Percival menyerah diri kepada Leftenan Jeneral Yamashita Tomoyuki di Singapura

23. Pilih pernyataan yang tepat mengenai pentadbiran tentera Jepun di Tanah Melayu
- Singapura dikenali sebagai Syonan
 - Tanah Melayu dikenali sebagai Malai Baru
 - Setiap negeri diketuai oleh Gabenor serta Majlis Penasihat
 - Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis diserahkan kepada Thailand
- i dan ii
 - ii dan iii
 - i, ii dan iii
 - Semua di atas

24. Peristiwa-peristiwa berikut penting dalam sejarah perkembangan negara selepas Perang Dunia Kedua. Susun peristiwa tersebut mengikut kronologi.
- Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu
 - Cadangan Malayan Union
 - Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
 - Penubuhan Malaysia
- i, ii, iii dan iv
 - i, iii, ii dan iv
 - ii, iii, i dan iv
 - ii, i, iii dan iv
25. Manakah berikut **benar** berkaitan dengan fungsi Perlembagaan Persekutuan?
- Kebebasan dan hak-hak awam dapat dilindungi
 - Menghadkan kuasa kerajaan daripada terlalu berkuasa
 - Alat bagi mengelak berlakunya konflik dalam masyarakat
 - Mewujudkan rangka politik, ekonomi dan sosial supaya seterusnya perpaduan nasional dan pembangunan negara dapat dipupuk
- i dan ii
 - ii dan iii
 - i, ii dan iii
 - Semua di atas
26. Perlembagaan Persekutuan Malaysia boleh dipinda dengan syarat berikut, **kecuali**
- kelulusan Ahli Dewan Negara
 - perkenan Yang di-Pertuan Agong
 - kelulusan majoriti Ahli Dewan Undangan Negeri
 - kelulusan dua pertiga majoriti Ahli Dewan Rakyat
27. Sekiranya Rang Undang-Undang Persendirian (RUUP) 355 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) ingin dipinda dan diluluskan, bagaimanakah prosedur yang perlu diambil sebagaimana amalan dalam Parlimen Malaysia?
- Bacaan Kali Pertama dan Kedua
 - Jawatankuasa teknikal dan bacaan kali ketiga
 - Bacaan kali Pertama, Kedua, Ketiga di Dewan Negara
 - Perkenan daripada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong
- i, ii, iii dan iv
 - ii, i, iii dan iv
 - iii, ii, i dan iv
 - i, ii, iv dan iii

28. Pilih pernyataan yang **paling tepat** bagi menggambarkan pemberian kerakyatan Malaysia terhadap anak yang dilahirkan berdasarkan kes *jus sanguinis*.
- A. Zainab dilahirkan di Kuala Terengganu manakala ibu bapanya adalah warganegara Thailand
 - B. Naqiudin warganegara Malaysia memperoleh cahaya mata setelah isterinya melahirkan anak di sebuah hospital di London
 - C. Lily warganegara Indonesia melahirkan cahaya mata di sebuah hospital di Kuala Lumpur manakala suaminya warganegara Thailand
 - D. Hanif dilahirkan di Kanada memandangkan bapanya warganegara Kanada manakala ibunya berasal daripada Malaysia tetapi telah menukar kepada warganegara Kanada
29. Antara pernyataan berikut, yang manakah **tidak benar** tentang jaminan hak asasi seperti terkandung dalam perlembagaan?
- A. Seseorang warganegara berhak menubuhkan persatuan
 - B. Seseorang warganegara itu boleh dibuang negeri tanpa alasan
 - C. Seseorang warganegara bebas bercakap dan mengemukakan pendapat
 - D. Seseorang warganegara bebas bergerak di seluruh Semenanjung Malaysia

Menurut Perkara 77 Perlembagaan Persekutuan, bahawa Dewan Undangan Negeri mempunyai kuasa untuk meluluskan undang-undang ke atas sebarang perkara yang tidak disebutkan di dalam Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama

30. Pernyataan di atas merujuk kepada
- A. kuasa baki perundangan
 - B. kuasa yang tidak tersenarai
 - C. kuasa tambahan kepada Dewan Undangan Negeri
 - D. kuasa yang dikhaskan kepada Dewan Undangan Negeri Sabah dan Sarawak
31. Antara berikut, pernyataan yang manakah **tepat** berkaitan dengan status tulisan Jawi berdasarkan Perkara 9, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67?
- A. Tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Jawi, dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Rumi, bagi bahasa kebangsaan
 - B. Tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Jawi, dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Melayu, bagi bahasa kebangsaan
 - C. Tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Rumi, dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Inggeris, yang lebih dikenali dengan nama tulisan kebangsaan.
 - D. Tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Rumi, dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Melayu, yang lebih dikenali dengan nama tulisan Jawi, bagi bahasa kebangsaan.

32. Antara berikut, hukuman yang manakah **tepat** bagi mereka yang tidak menghormati lagu kebangsaan berdasarkan Akta Lagu Kebangsaan, 1968?
- Dibuang negeri
 - Dilucutkan kerakyatan
 - Denda tidak melebihi seribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi sepuluh bulan
 - Denda tidak melebihi satu ratus ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi satu bulan
33. Antara berikut, pernyataan yang manakah **tepat** bagi menerangkan konsep Raja Berperlembagaan sebagaimana definisi perlembagaan?
- Yang di-Pertuan Agong membentuk Perlembagaan setelah berunding dengan Raja Raja Melayu.
 - Yang di-Pertuan Agong berhak melaksanakan segala peruntukan dalam Perlembagaan mengikut budi bicara baginda.
 - Yang di-Pertuan Agong memerintah mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan atas nasihat kerajaan.
 - Yang di-Pertuan Agong berkuasa meminda peruntukan dan undang-undang yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.
34. Pilih pernyataan yang **tepat** mengenai fungsi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sewaktu mengendalikan Pilihan Raya Umum ke-15.
- Mengeluarkan writ pilihan raya
 - Mengadakan proses penamaan calon
 - Menentukan calon-calon yang layak bertanding
 - Mengumumkan keputusan pilihan raya
- i dan ii
 - ii dan iii
 - i, ii dan iv
 - Semua di atas

	Calon	Parti	Undi
i	Datuk Kalsom Nordin	BN	4,839
ii	Muhamad Danish Zainudin	PH	4,708
iii	Mohd Azrudin Md Idris	PN	2681
iv	Dr Mohd Alwi Sari	Putra	82
v	Datuk Norhizam Hassan Baktee	Bebas	1,218
	Jumlah Undi		13,528

Jadual 1: Keputusan Pilihan Raya Negeri Melaka N15 Pengkalan Batu

35. Berdasarkan Jadual I, keputusan Pilihan Raya Negeri Melaka N15 Pengkalan Batu di atas, calon manakah yang dikira hilang wang deposit sebagaimana peraturan SPR?
- iv sahaja
 - iv dan v
 - iii, iv dan v
 - ii, iii, iv dan v

36. Situasi manakah yang tepat menggambarkan pencalonan bagi calon yang bertanding dalam Pilihan Raya Umum menjadi tidak sah dan terbatal?
- Ali bertanding di DUN Seberang Takir Terengganu serta dalam masa yang sama bertanding di Parlimen Shah Alam
 - Bahaman bertanding di Parlimen Kubang Kerian serta dalam masa yang bertanding di Parlimen Johor Bharu
 - Calon dengan sebab tertentu tidak dapat hadir ke pusat penamaan calon sebaliknya pencadang dan penyokong telah hadir
 - Calon yang bertanding bagi kerusi DUN serta dalam masa yang sama bertanding kerusi Parlimen serta dilantik sebagai Menteri Besar
37. Manakah antara berikut termasuk di bawah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong setelah mendapat nasihat Perdana Menteri sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia?
- Membubarkan Parlimen
 - Membuat dasar negara
 - Menggubal perlembagaan
 - Mengisytiharkan undang-undang darurat
- i dan ii
 - i dan iv
 - ii dan iii
 - iii dan iv
38. Sekiranya berlaku percanggahan undang-undang antara Negeri dengan Persekutuan?
- Undang-undang Persekutuan akan digunakan sepenuhnya
 - Undang-undang Negeri akan terbatal setakat yang bercanggah dengan undang-undang Persekutuan sahaja
 - Kedua-dua undang-undang tersebut akan digunakan mengikut kesesuaian negeri tersebut
 - Undang-undang Negeri akan digunakan untuk negeri tersebut sahaja, undang-undang Persekutuan tidak dipakai
39. Yang manakah antara ciri-ciri di bawah ini **tepat**?

	Persekutuan	Kesatuan	Konfederasi
A	Kerajaan Pusat berkuasa penuh	Kerajaan Negeri berkuasa dalam pentadbiran negeri	Kerajaan Pusat mempunyai kuasa eksekutif
B	Kerajaan Pusat berkongsi kuasa	Kerajaan Pusat berkuasa mutlak	Kerajaan Pusat memiliki segala kuasa
C	Kerajaan mempunyai Pusat kuasa autonomi dalam bidang-bidang tertentu	Kerajaan mempunyai Pusat segala kuasa	Kerajaan Negeri mempunyai kuasa
D	Kerajaan Pusat berkuasa membatalkan undang-undang	Kerajaan Negeri berkuasa dalam perundangan	Kerajaan Negeri berkuasa dalam bidang-bidang tertentu

40. Siapakah yang menjalankan tugas sebagai setiausaha dalam Persidangan Majlis Raja-raja?

- A. Dato' Paduka Maharaja Lela
- B. Dato' Pengelola Bijaya Diraja
- C. Penyimpan Mohor Besar Raja-raja
- D. Setiausaha sulit kepada Yang di-Pertuan Agong

41. Syarat-syarat pelantikan Perdana Menteri ialah

- i. salah seorang Ahli Dewan Rakyat
- ii. memperoleh warganegara melalui pendaftaran
- iii. mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat
- iv. dilantik oleh YDPA atas cadangan Dewan Rakyat

- A. i dan iv
- B. i dan iii
- C. ii dan iv
- D. iii dan iv

- Tiada dinyatakan secara khusus jawatan dalam Perlembagaan Persekutuan
- Pelantikan dicadangkan oleh Perdana Menteri

42. Pernyataan di atas merujuk kepada jawatan

- A. Menteri
- B. Timbalan Menteri
- C. Timbalan Perdana Menteri
- D. Timbalan Ketua Menteri

- Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
- Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu (PPAT)

43. Senarai di atas merujuk kepada

- A. badan berkanun
- B. agensi kerajaan Negeri
- C. badan tidak berkanun
- D. pihak berkuasa tempatan

44. Antara berikut, yang manakah tergolong dalam Suruhanjaya Perkhidmatan?

- i. Suruhanjaya Pilihan Raya
- ii. Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang
- iii. Majlis Angkatan Tentera
- iv. Suruhanjaya Gaji Aziz

- A. i dan ii
- B. ii dan iii
- C. i dan iii
- D. ii dan iv

45. Antara berikut, tindakan manakah paling **tepat** untuk memecat seorang Menteri Besar?
- A. Usul undi tidak percaya serta mendapat majoriti ahli DUN
 - B. Yang di-Pertuan Agong mengarahkan beliau meletak jawatan
 - C. Sultan/ Yang Dipertua Negeri mengarahkan beliau meletak jawatan
 - D. Speaker DUN menggunakan kuasanya untuk memecat Menteri Besar
46. Antara berikut, yang manakah **benar** berkenaan dengan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri?
- i. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) dilantik oleh Sultan/Yang Dipertua Negeri
 - ii. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) terdiri daripada 4 hingga 12 orang ahli Dewan Undangan Negeri
 - iii. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertanggungjawab merancang perkara-perkara yang tercatat dalam Senarai Persekutuan
 - iv. Di Sabah, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dikenali sebagai Majlis Tertinggi, sementara di Sarawak dikenali sebagai Kabinet Negeri
- A. i dan ii
 - B. i dan iii
 - C. ii dan iv
 - D. iii dan iv
47. Kerajaan tempatan merupakan kerajaan yang berasingan memandangkan ia mempunyai kuasa-kuasa tertentu. Antara kuasa kerajaan tempatan adalah
- A. mengutip cukai tanah
 - B. membuat undang-undang kecil
 - C. memilih dan melantik Ahli Majlis Kerajaan Tempatan
 - D. menubuhkan Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan
- A. i dan iii
 - B. ii dan iii
 - C. ii, iii dan iv
 - D. Semua di atas
48. Badan perundangan yang menggubal dan meluluskan undang-undang di peringkat Negeri Sarawak dikenali sebagai
- A. Kabinet Sarawak
 - B. Majlis Perundangan Sarawak
 - C. Dewan Undangan Negeri
 - D. Majlis Tertinggi Sarawak

49. Pernyataan berikut adalah **tepat** berkaitan dengan kedudukan ahli Dewan Negara:
- Berumur 30 tahun ke atas
 - dua orang wakil dicadang oleh DUN setiap negeri
 - Yang Dipertua Dewan Negara kini ialah Tan Sri Vigneswaran
 - 40 orang individu dilantik oleh Kerajaan Persekutuan
- i dan ii
 - ii dan iii
 - i, ii dan iv
 - Semua di atas
50. Kuasa yang ada pada Dewan Undangan Negeri ialah
- berkuasa untuk melucutkan jawatan Menteri Besar atau Ketua Menteri
 - berkuasa meluluskan undang-undang berkaitan perkara yang tercatat dalam Senarai Negeri dan Senarai Bersama
 - Parlimen menurunkan kuasanya pada Dewan Undangan Negeri di mana Dewan Undangan Negeri boleh meluluskan undang-undang yang tercatat dalam Senarai Persekutuan
 - berkuasa untuk meluluskan sesuatu undang-undang dalam Senarai Persekutuan selagi tidak bercanggah dengan undang-undang yang dibuat oleh Parlimen
- i dan ii
 - i dan iii
 - ii dan iv
 - iii dan iv
51. Badan kehakiman di Malaysia berfungsi untuk
- memelihara hak-hak istimewa orang Melayu dan peribumi Sabah dan Sarawak
 - menyelesaikan pertikaian antara individu dengan individu atau individu dengan kerajaan
 - mengesahkan undang-undang dan membatalkan undang-undang yang bercanggah dengan perlembagaan
 - mentafsir undang-undang dan mengisytiharkan sesuatu undang-undang itu tidak sah sekiranya bercanggah dengan undang-undang Persekutuan
- i, ii dan iii
 - i, ii dan iv
 - i, iii dan iv
 - ii, iii dan iv
52. Perbicaraan kes sivil Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak dibicarakan oleh
- Hakim Mahkamah Tinggi
 - Hakim Mahkamah Juvana
 - Hakim Mahkamah Sesyen
 - Hakim Mahkamah Majistret

53. Berikut manakah **tepat** berkaitan kerangka dasar luar baharu yang diperkenalkan kerajaan Malaysia pada tahun 2019?
- A. Asas-asas kepentingan nasional yang merangkum kepentingan politik, ekonomi dan sosial.
 - B. Kekuatan politik dalam menghadapi persaingan serantau
 - C. Penjanaaan ekonomi yang mapan dalam kalangan negara-negara Islam
 - D. Membantu negara-negara yang terlibat dalam kancah peperangan
54. Manakah berikut **kurang tepat** berkaitan peranan Malaysia sewaktu menduduki kerusi Majlis Keselamatan (tidak tetap) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu?
- A. Tidak terlibat dalam geopolitik serantau terutamanya bagi negara-negara anggota ASEAN.
 - B. Menyertai pertubuhan antarabangsa seperti PBB, Pertubuhan Negara-negara Berkecuali (NAM), Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) serta beberapa pertubuhan lain.
 - C. Dalam menghadapi konflik yang berlaku, Malaysia mengambil pendekatan berkecuali serta tidak memihak serta mengadakan hubungan dua hala tanpa mengira ideologi dan politik.
 - D. Menyokong mana-mana negara Barat yang memperjuangkan hak asasi manusia termasuklah *lesbian, gay, bisexual, and transgender* (LGBT).
55. Pernyataan yang manakah **tepat** mengenai keputusan *International Court of Justice* (ICJ) terhadap keputusan isu Pulau Sipadan-Ligitan yang menjadi pertikaian antara Malaysia dan Indonesia?
- i. Malaysia dan Indonesia berhak ke atas kedaulatan kedua-dua buah pulau
 - ii. ICJ memberikan hak pemilikan ke atas kedua-dua buah pulau kepada Malaysia dengan undian 16-1
 - iii. Malaysia berhak menduduki beberapa kawasan yang mempunyai minyak di Ambalat
 - iv. Malaysia mendapat Pulau Sipadan manakala Pulau Ligitan diberikan kepada Indonesia
- A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. iii dan iv
 - D. i dan iv
56. Konsep kawasan aman, bebas dan berkecuali (*Zone of peace, Freedom and Neutrality/ZOPFAN*) yang dibawa Malaysia melalui Deklarasi Kuala Lumpur pada 27 November 1971 selaras dengan dasar Malaysia, iaitu;
- A. Prinsip berkecuali
 - B. Menyokong anti keganasan
 - C. Mencari perdamaian
 - D. Mengekalkan keamanan

57. Berikut manakah **kurang tepat** berkaitan dengan dasar pandang ke timur yang diperkenalkan kerajaan?

- A. Hubungan perdagangan dan teknikal dengan negara Jepun dan Korea Selatan
- B. Mewujudkan Kumpulan G7 bagi memperkukuhkan kerjasama ekonomi
- C. Mengadakan program Kerjasama Teknikal Malaysia untuk membantu serta berkongsi pengalaman dengan negara-negara sedang membangun lain.
- D. Pemodal Jepun dan Korea mendirikan kilang di Malaysia

- Brunei – Indonesia – Malaysia- The Phillippines East ASEAN Growth Area (BIMP – EAGA),
- Indonesia – Malaysia- Thailand Growth Triangle (IMTGT) serta entiti lain.

58. Pernyataan di atas berkaitan dengan

- A. Dasar Memakmurkan Jiran
- B. Dasar Ekonomi Mapan
- C. Dasar Keselamatan Serantau
- D. Dasar Memerangi Keganasan

- Sukarno- gayang Malaysia
- Perang Vietnam Utara da Vietnam Selatan.
- Perang saudara di Kemboja

59. Pendekatan yang diambil Malaysia bagi menghadapi omestic di atas ialah


- A. saluran diplomasi
- B. menghadapi peperangan
- C. menamatkan hubungan omesticc
- D. menamatkan kerjasama ekonomi

60. Perjanjian air 1961 antara Malaysia dan Singapura wajar dikaji semula kerana

- A. harga jualan air terlalu tidak munasabah serta tidak mengikut harga semasa
- B. hubungan dua negara yang tidak kondusif
- C. Malaysia lebih memerlukan air untuk kegunaan omestic
- D. Singapura menyalahgunakan air mentah dengan menjual semula kepada Malaysia

61. Pilih maklumat yang **tepat** mengenai status Kepulauan Spratly:

- i. Berada di Lautan Pasifik
 - ii. Simpanan minyak keempat terbesar di dunia
 - iii. Mempunyai keluasan 244,700-kilometer persegi
 - iv. 230 buah pulau serta daratan seluas 3 kilometer persegi
- A. I dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. iii dan iv
 - D. ii, iii dan iv



Rajah 1

62. Berdasarkan Rajah 1 di atas, pernyataan manakah di bawah tepat mengenai keputusan ICJ terhadap Pulau Batu Puteh yang menjadi pertikaian antara Malaysia dan Singapura?

- i. Perundingan Malaysia-Singapura bagi Tebing Selatan (South Ledge)
- ii. Malaysia mempunyai hak ke atas Pulau Batuan Tengah (Middle Rock)
- iii. Singapura mempunyai kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh (Pedra Branca)
- iv. Nelayan Malaysia bebas menjalankan kegiatan penangkapan ikan di perairan Pulau Batuan Tengah (Middle Rock) dan Tebing Selatan (South Ledge)

- A. i dan ii
- B. ii dan iii
- C. iii dan iv
- D. Semua di atas

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Ambalat • Pulau Spratly • Pulau Batu Putih • Pulau Ligitan / Sipadan |
|---|

63. Berdasarkan maklumat di atas, apakah isu-isu sebenar yang melibatkan Malaysia dengan negara jiran?

- A. Pusat pencarian petroleum
- B. Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE)
- C. Tuntutan pertindihan sempadan
- D. Pangkalan sementara pendatang asing

64. Berikut manakah **tepat** berkaitan isu daerah Limbang di Sarawak?
- Malaysia berpegang bahawa daerah Limbang adalah wilayah Sarawak yang diperoleh Charles Brooke pada tahun 1890.
 - Limbang pernah berada di bawah kekuasaan Kesultanan Sulu
 - Pungutan suara oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1963 bahawa Sarawak yang mengandungi daerah Limbang bersetuju menyertai Malaysia
 - Isu ini jika tidak diselesaikan dengan baik menimbulkan masalah hubungan diplomatik antara Malaysia dan Indonesia
- i dan ii
 - i dan iii
 - iii dan iv
 - Semua di atas
65. Fakta asas yang digunakan oleh Malaysia untuk mempertahankan kedaulatan Sabah dari ancaman waris Kesultanan Sulu ialah
- Sabah dipajak oleh Sultan Sulu secara berkekalan kepada Syarikat British
 - Sulu bertindak agresif menyerang Sabah di Lahad Datu
 - Sabah adalah negeri berdaulat yang berada dalam Malaysia
 - Pihak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu membuat pungutan suara iaitu Sabah bersetuju menyertai Malaysia
- i dan ii
 - ii dan iii
 - i, iii dan iv
 - Semua di atas
66. Elemen _____ sangat dititik beratkan oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) sewaktu membuat keputusan bagi kes tuntutan bertindih wilayah di Pulau Batu Puteh
- effective administrative control*
 - sejarah pemerintahan
 - kegiatan ekonomi
 - kegiatan maritim
67. Manakah berikut **tepat** berkaitan dengan proses pendemokrasian Pendidikan di Malaysia?
- Peluang pendidikan terhad kepada mereka yang mampu
 - Peluang pendidikan kepada semua pihak Pendidikan rendah sehingga Pendidikan tertiary
 - Malaysia menawarkan pengajian peringkat tinggi dengan syarat kemasukan yang mudah
 - Peluang pengajian dalam semua bidang

68. Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sebagai universiti awam Malaysia yang menempa nama di persada global terutama dalam aspek
- perikanan dan maritim
 - sains sosial
 - kemanusiaan
 - sumber akuatik
69. Individu manakah di bawah yang pernah mengharumkan nama Malaysia dalam bidang sukan berprestij peringkat dunia?
- Azizul Hasni Awang
 - Wan Nazri Wan Aria
 - Roslin Hashim
 - Lee Chong Wei
- i dan ii
 - ii dan iii
 - i, iii dan iv
 - Semua di atas
70. Mohd Faiz Subri, pemain tengah bola sepak Pulau Pinang menempah nama di persada dunia sekaligus mengharumkan nama negara apabila diumumkan sebagai pemenang dalam anugerah
- United Nations Development Programme*
 - Grand Prix von Deutschland*, Jerman
 - Puskás FIFA 2016
 - Temasya Olimpik 2018
71. Wan Nazri Wan Aria, berjaya mengharumkan nama negara apabila beliau
- merupakan elajar cemerlang di Universiti Stuttgart, Jerman
 - menjadi kontraktor yang berjaya di Arab Saudi
 - terlibat dalam pembinaan menara jam Abraj Al-Bait, berhampiran Masjidil Haram, Mekah
 - membantu Malaysia mendapatkan kouta menjunaikan ibadat haji
72. Yang manakah antara berikut adalah barangan Malaysia yang dipasarkan di luar negara?
- Baba's
 - Padini
 - Ogawa
 - Munchy's
- i, ii dan iii
 - i, ii dan iv
 - ii, iii dan iv
 - Semua di atas

73. Zang Toi seorang anak Malaysia yang berjaya dalam bidang fesyen di New York yang berasal dari
- A. Kuala Lumpur
 - B. Kuala Terengganu
 - C. Kuala Kangsar, Perak
 - D. Kuala Krai, Kelantan
74. Anak Malaysia yang berjaya menempa nama dalam pembuatan pakaian dan kasut ialah
- i. Jimmy Choo
 - ii. Lewrey Lew
 - iii. Andy Lau
 - iv. Marina Chin
- A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. iii dan iv
 - D. Semua di atas
75. Pada tahun 1996, syarikat produk kesihatan, OGAWA memperkenalkan mesinurut. Syarikat ini diasaskan oleh
- A. Wong Lee Keong dan Lim Poh
 - B. Chin Hi dan Tee Chee
 - C. Tee Che dan Tee Nam
 - D. Tee Nam dan Lim Poh
76. Pada tahun 1990-an apabila dua orang beradik iaitu SK Tan dan LK Tan menubuhkan Syarikat _____ dengan pelaburan awal sebanyak RM80,000 yang akhirnya syarikat ini berkembang ke seluruh dunia.
- A. Akita sdn bhd
 - B. Munchys Food Industries
 - C. Baba's curry
 - D. Mamees snack
77. Pada tahun 2019, _____ diumumkan sebagai antara 10 syarikat penerbangan terbaik dunia
- A. Malaysian Airlines System (MAS)
 - B. Air Asia
 - C. Berjaya Air
 - D. Malindo Air

78. Kereta nasional Proton yang diilhamkan oleh Tun Dr Mahathir pada tahun _____ serta perodua pada tahun _____?
- A. 1983, 1991
 - B. 1984, 1992
 - C. 1985, 1993
 - D. 1986, 1994
79. Alayharham Sudirman Hj. Arshad pernah dinobatkan sebagai _____ dan pernah membuat persembahan di Albert Hall, London
- A. Penyanyi bersuara emas
 - B. penghibur No. 1 Asia
 - C. penghibur pop Asia
 - D. penghibur pop world ranking
80. Filem biografi epik Mat Kilau telah berjaya menempa nama di luar negara serta mencapai kutipan hampir 100 juta. Mesej yang hendak disampaikan melalui filem ini **kecuali**
- A. kepimpinan berkualiti
 - B. wujudnya individu yang bertindak sebagai tali barut musuh
 - C. cintakan tanah air
 - D. keganasan kumpulan Mat Kilau terhadap British